

24 JUL 2000

Mahathir-Perniagaan/I

BUMIPUTERA BOLEH MAJU DALAM PERNIAGAAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Bumiputera yang menceburi sektor perkilangan dan perniagaan boleh menempuh kecemerlangan seperti ahli-ahli perniagaan masyarakat lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

"Hakikat yang anda bermula dari bawah tidak harus menjadi penghalang kepada anda jika anda sanggup berusaha gigih untuk mendapatkan teknologi dan pengetahuan," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata, sektor perniagaan Malaysia perlu diwakili oleh semua masyarakat dengan seimbang.

"Saya juga berpendapat di Malaysia dengan masyarakat majmuknya, perlu ada wakil-wakil daripada setiap masyarakat pada setiap peringkat," kata beliau semasa merasmikan Bangunan Sapura@Mines, ibu pejabat korporat baru Sapura Group di Seri Kembangan, dekat sini.

Dr Mahathir meminta masyarakat Melayu supaya tidak lagi mengikut kepercayaan kuno yang orang Melayu harus menjadi petani atau nelayan sementara orang Cina harus menjadi peniaga.

"Jadi apa yang kita perlu buat ialah lupakan pemikiran lama dan cuba idea-idea baru, cara dan kaedah baru," kata beliau.

Beliau menyeru rakyat Malaysia supaya percaya pada kebolehan diri sendiri dan sudah pasti mereka boleh mencapai matlamat mereka.

Dr Mahathir berkata, Sapura merupakan contoh terbaik kumpulan perniagaan Bumiputera yang berjaya dan harus dibanggakan oleh semua.

Bangunan Sapura@Mines setinggi 11-tingkat dibina atas tanah seluas 5.53 hektar (2.2ha) di Mines Resort City.

Bangunan itu memaparkan ciri seni bina Islam.

-- BERNAMA

TM MFJ PR